



## KEJOHANAN OLAHRAGA CAHYA MATA SUPER SERIES SELANGOR OPEN 2025

1. **Penganjur**  
Persatuan Olahraga Selangor
2. **Tarikh, Masa dan Tempat**  
Tarikh: **19 dan 20 April 2025 (Sabtu dan Ahad)**  
Masa: **7.00 pagi hingga 6.00 petang**  
Tempat: **Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang**
3. **Penyertaan**  
Kejohanan ini terbuka kepada atlet dari negeri, kelab sukan/olahraga, persatuan sukan/olahraga, institusi pengajian tinggi, sekolah, majlis sukan negeri dan individu.
4. **Kategori Umur**  
Terdapat dua kategori untuk kejohanan ini:
  - (a) **Lelaki Terbuka**
    - tiada had umur
  - (b) **Wanita Terbuka**
    - tiada had umur
5. **Peraturan Pertandingan**  
Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan-peraturan World Athletics dan Kesatuan Olahraga Malaysia.
6. **Jenis Pertandingan**  
Individu dan berpasukan

## 7. Acara Yang Dipertandingkan

Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

BIL.	ACARA	Lelaki Terbuka	Wanita Terbuka
1.	100 m	√	√
2.	200 m	√	√
3.	400 m	√	√
4.	800 m	√	√
5.	1,500 m	√	√
6.	5,000 m	√	√
7.	10,000 m	√	<b>x</b>
8.	3,000 m Lari Berhalangan	√	√
9.	10,000 m Jalan Kaki	√	√
10.	110 m / 100 m Lari Berpagar	√ (110 m)	√ (100 m)
11.	400 m Lari Berpagar	√	√
12.	Lompat Jauh	√	√
13.	Lompat Kijang	√	√
14.	Lompat Tinggi	√	√
15.	Lombol Galah	√	√
16.	Lempar Cakera	√	√
17.	Lontar Peluru	√	√
18.	Merejam Lembing	√	√
19.	Baling Tukul Besi	√	√
20.	4x100 m	√	√
21.	4x400 m	√	√

## 8. Yuran Penyertaan

ACARA	PENDAFTARAN AWAL (hingga 20 Mac 2025)	PENDAFTARAN LEWAT (21 Mac - 5 April 2025)
Individu	RM20.00	RM40.00
Berpasukan	RM30.00	RM50.00

### Catatan:

Bayaran hendaklah dibuat mengikut bilangan penyertaan yang telah didaftarkan. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).

## 9. Format Pertandingan

### (a) Acara balapan 100 m hingga 800 m:

- Sekiranya terdapat **2 Separuh Akhir**:  
3 peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kedua-dua separuh akhir layak ke peringkat akhir.

- Sekiranya terdapat **3 Separuh Akhir**:  
2 peserta (pertama dan kedua) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari ketiga-tiga separuh akhir layak ke peringkat akhir.
- Sekiranya terdapat **lebih daripada 3 Saringan**:  
24 peserta yang mencatatkan masa terpanjang di peringkat saringan layak ke peringkat Separuh Akhir.

(b) Acara **balapan 1,500 m dan ke atas**:

- semua peserta terus ke pertandingan akhir.
- jika lebih daripada 30 peserta, akan diadakan 2 siri akhir dan pemenang ditentukan mengikut masa terbaik daripada gabungan keputusan masa.

(c) Acara **padang (lompatan dan lontaran)**

- **terhad kepada 30 peserta sahaja** untuk setiap acara ini
- semua peserta terus ke pertandingan akhir (semua peserta diberikan 3 percubaan dan 8 peserta yang terbaik akan diberikan 3 percubaan lagi)

**Catatan:**

Pihak penganjur berhak menukar format pertandingan

10. **Hadiah Medal, Wang Tunai dan Mata Pertandingan**

Pemenang pertandingan akan menerima **medal** seperti berikut:

KEDUDUKAN	INDIVIDU	BERPASUKAN
Pertama	Medal	Medal
Kedua	Medal	Medal
Ketiga	Medal	Medal

**Wang tunai dan mata pertandingan** pula akan diberikan kepada pemenang pertama hingga kelapan bagi acara-acara berikut:

BIL.	LELAKI TERBUKA	WANITA TERBUKA
1.	100 m	100 m
2.	200 m	200 m
3.	1,500 m	800 m
4.	10,000 m	5,000 m
5.	10,000 m Jalan Kaki	10,000 m Jalan Kaki
6.	110 m Lari Berpagar	400 m Lari Berpagar
7.	Lontar Peluru	Lempar Cakera
8.	Merejam Lembing	Merejam Lembing
9.	Lompat Jauh	Lompat Jauh
10.	Lombol Galah	Lombol Galah

**Butiran wang tunai dan mata pertandingan** kepada pemenang pertama hingga kelapan bagi acara-acara di atas adalah seperti berikut:

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>WANG TUNAI (RM)</b>	<b>MATA (POINTS)</b>
Pertama	400	20
Kedua	250	16
Ketiga	200	15
Keempat	175	12
Kelima	130	11
Keenam	80	10
Ketujuh	60	7
Kelapan	30	6

11. **Catatan Masa dan Jarak**

Catatan masa dan jarak secara **elektronik sepenuhnya** akan digunakan dalam kejohanan ini.

12. **Bilik Panggilan**

Pengurus pasukan perlu memastikan semua atlet melaporkan diri ke bilik panggilan seperti berikut:

**Acara trek:** 30 minit sebelum acara dimulakan

**Acara padang:** 45 minit sebelum acara dimulakan

**Hebahan/panggilan TIDAK** akan dibuat untuk proses melaporkan diri dan pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta dibatalkan akibat **KEGAGALAN** melaporkan diri dalam tempoh masa yang ditetapkan.

13. **Pendaftaran Penyertaan**

Pendaftaran penyertaan hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) menggunakan pautan <https://sportzattex.com/Home/page/CMSSS2025> ATAU mengimbas kod QR berikut:



**Catatan:** Sekiranya terdapat sebarang kesulitan pendaftaran, harap hubungi melalui e-mel ([event@sportsmanagement.my](mailto:event@sportsmanagement.my)) atau WhatsApp (019 282 5230).

Pendaftaran yang dilakukan hingga **20 Mac 2025** dikira sebagai **pendaftaran awal** (*early bird registration*).

Pendaftaran antara **21 Mac hingga 5 April 2025** dianggap sebagai **pendaftaran lewat**.

Pendaftaran penyertaan akan **ditutup** pada jam **11.59 malam, 5 April 2025**.

Tambahan peserta **TIDAK AKAN** dilayan selepas tarikh tutup

Sebarang **PEMBATALAN** (*scratching*) boleh dibuat selewat-lewatnya pada **7 April 2025**.

**14. Buku Pertandingan**

Buku pertandingan akan dimuat naik ke laman web rasmi kejohanan pada **12 April 2025**, dan **semua pengurus pasukan perlu memuat turun dan mencetak buku pertandingan sendiri**.

**15. Bayaran Yuran Penyertaan**

Pihak penganjur hanya menerima **bayaran secara dalam talian (online) sahaja**,

**Catatan:** Pendaftaran dianggap sebagai TERBATAL sekiranya bayaran TIDAK dibuat dalam tempoh masa pendaftaran dibuka.

**16. Bantahan Rasmi**

Sekiranya ada pihak yang membantah sesuatu keputusan, rayuan secara lisan hendaklah dibuat kepada referi berkenaan, selepas itu rayuan secara bertulis dikemukakan kepada Juri Rayuan tidak lewat dari 30 minit selepas keputusan acara itu diumumkan.

Bantahan rasmi hendaklah disertakan dengan wang sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia: dua ratus sahaja). Wang tersebut akan dikembalikan sekiranya bantahan rasmi diterima.

**17. Had Minimum Penyertaan**

Acara-acara yang kurang daripada tiga penyertaan akan dibatalkan.

**18. Nombor Peserta**

Pihak penganjur akan menyediakan nombor bagi semua peserta.

**Nombor peserta boleh diambil pada 18 April 2025 (Jumaat) di Kaunter Sekretariat Pertandingan, Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang (antara jam 4.00 hingga 6.00 petang).**

**19. Mesyuarat Pengurus Pasukan**

**TIDAK ADA** mesyuarat Pengurus Pasukan.

**20. Kawasan Pertandingan**

Hanya pegawai kejohanan yang bertugas dan peserta yang sedang bertanding sahaja boleh berada di tempat pertandingan.

**Pengurus Pasukan dan jurulatih tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan pertandingan kecuali diminta berbuat demikian oleh pengurus kejohanan.**

21. **Keselamatan**

Keselamatan semua peserta yang menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungjawab dan risiko sendiri. Pihak penganjur **TIDAK** akan bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kehilangan harta benda sebelum, semasa atau selepas kejohanan ini.

Semua peserta, jurulatih dan pengurus pasukan perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan juga pihak berwajib.

22. **Perkara-Perkara Yang Tidak Dinyatakan**

Pihak penganjur berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini atau peraturan-peraturan World Athletics dan Kesatuan Olahraga Malaysia, dan keputusan ini adalah muktamad

23. **Pertanyaan**

Sebarang pertanyaan mengenai kejohanan ini boleh dikemukakan menerusi **e-mel ([event@sportsmanagement.my](mailto:event@sportsmanagement.my))** atau **WhatsApp (019 282 5230)**.

Disediakan oleh:

**Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan  
Persatuan Olahraga Selangor**

Tarikh: **17 Februari 2025**